

20/02/1997

Noni Gondolos berjaya pikat tetamu terhormat

KOTA KINABALU, Rabu - Apabila Noni Gondolos muncul di pentas dengan kerusi roda menyanyikan beberapa lagu, dewan pameran Pusat Perdagangan Sabah (STC) yang mulanya bising tiba-tiba menjadi senyap seketika.

Semua mata tertumpu di pentas. Perhatian hadirin yang sebelumnya terpesong ke tempat lain disebabkan persembahan hambar sketsa perayaan berkembar, terpaksa melihat persembahan hiburan Noni.

Tidak terkecuali Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee dan beberapa pemimpin negeri dan Persekutuan, yang menghadiri sambutan berkembar Tahun Baru Cina dan Aidilfitri di STC, Teluk Likas, malam kelmarin.

Persembahan Noni, seorang wanita cacat anggota dari Pusat Perlindungan Orang Kurang Upaya Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah, menambat hati penonton pertunjukan malam itu.

Dia menyampaikan lagu dipopularkan Aishah "Pulanglah" dan sebuah lagu ciptaan Freddie Fernandez yang pernah popular dengan lagu "Namun Ku Punya Hati" mencuri perhatian tetamu yang hadir.

Persembahan bertenaga Noni sekali gus membolehkannya menutup persembahan hambar sketsa mengenai perayaan berkembar Tahun Baru Cina dan Aidilfitri, yang dipersembahkan sebelum itu. Berusia 26 tahun, Noni berketurunan Kadazandusun masih belajar di tahun kedua kursus jahitan di Pusat Perlindungan Orang Kurang Upaya, Jalan Tuaran, dekat sini.

Ketika ditemui selepas persembahan itu, Noni berbangga kerana berkesempatan menunjukkan bakatnya di hadapan pemimpin ternama, khususnya Dr Mahathir yang sebelum ini dikenali menerusi media saja.

"Saya memang meminati bidang seni suara sejak kecil dan penyertaan dalam pertunjukan ini adalah sesuatu yang amat membanggakan saya," katanya.

Selain persembahan Noni, pertunjukan malam itu turut diserikan dengan nyanyian beberapa artis tempatan, persembahan kebudayaan dan tarian pelbagai suku di Sabah.

(END)